

Lampiran Penerangan Produk - Insurans My Home

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil insurans My Home ini. Pastikan anda juga baca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

CHUBB®

1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini terdiri daripada 5 Bahagian berikut:-

- Bahagian A - Empunyarumah dan/atau Isirumah
- Bahagian B - Liabiliti Diri
- Bahagian C - Kematian Akibat Kemalangan
- Bahagian D - Barang Peribadi Yang Berharga

Bahagian A di atas memberi perlindungan untuk bangunan kediaman dan/atau isi kandungannya, dan melindungi kerugian atau kerosakan oleh kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau oleh mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

Bahagian B ke D adalah bahagian pilihan sedia ada yang memberi perlindungan/ manfaat tambahan kepada anda untuk Liabiliti Diri, Kematian Akibat Kemalangan dan Barang Peribadi Yang Berharga.

Polisi ini adalah Polisi Insurans Pengguna. Polisi Insurans Pengguna bermakna suatu kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seorang individu bagi maksudnya sendiri yang sama sekali tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu itu.

2. Apakah lindungan / manfaat yang disediakan?

Di bawah Bahagian A, polisi ini memberi perlindungan untuk:-

- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh letupan;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh pesawat dan peranti udara yang lain atau benda yang gugur daripadanya;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh hentaman oleh kenderaan jalan raya atau binatang;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan, ribut angin;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh banjir;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh kecurian disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada bangunan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar;

- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh Rompakan / Tahanan Secara Paksa di premis bangunan tempat tinggal anda.
- Kerugian Sewa (tidak melebihi 10% daripada jumlah yang diinsuranskan);
- Liabiliti kepada Awam selaku tuanpunya bangunan yang disebabkan oleh kecacatan di dalam bangunan, dan liabiliti selaku penghuni yang disebabkan oleh kemalangan di dalam atau sekitar rumah anda (Limit Liabiliti tidak melebihi RM50,000).

Anda boleh memperluaskan lagi liputan untuk risiko yang berikut dengan membayar premium tambahan:-

- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh rusuhan, mogok dan niat jahat;
- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan atau isi kandungan yang disebabkan oleh penenggelaman dan gelinciran tanah;
- Pengubahan, pembaikan dan penambahan (tidak melebihi 25% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan);
- Kerosakan tidak sengaja kepada Kepingan Kaca;
- Kerosakan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada cerobong asap logam, tirai, bidai kajang, papan tanda dan lekapan dan lekapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar;
- Perluasan untuk perlindungan terhadap kecurian;
- Kenaikan had gantirugi di bawah insurans Sewa;
- Kenaikan had gantirugi di bawah Liabiliti kepada Awam.

Di bawah Bahagian B - Liabiliti Diri,

- Kami akan menanggung liabiliti anda kepada pihak ketiga untuk kecederaan badan akibat kemalangan atau penyakit dan kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang disebabkan oleh kecuaiian / kesilapan anda yang berlaku dalam rumah anda.
- Kami akan membayar semua kos dan perbelanjaan litigasi yang dituntut oleh mana-mana pihak terhadap anda, dan yang ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada kami.
- Had liabiliti adalah RM 250,000 mana-mana satu kemalangan dan dalam agregat semasa tempoh insurans.

Di bawah Bahagian C - Kematian Akibat Kemalangan,

- Anda dilindungi terhadap kematian yang terjadi akibat keganasan luaran dan nyata yang disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, letupan atau banjir di rumah anda.
- Had liabiliti adalah RM 100,000.

Di bawah Bahagian D - Barang Peribadi Yang Berharga, kami memberi perlindungan bagi kerugian atau kerosakan kepada barang-barang berharga peribadi anda yang disebabkan oleh kemalangan.

Nota: Penerangan yang ada hanya penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat penuh perlindungan / manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, manfaat tambahan yang dipilih, dan Bahagian dipilih.

Perlindungan standard di bawah Bahagian A: RM _____ untuk jumlah diinsuranskan sebanyak RM _____ Bahagian tambahan: RM _____

Jumlah anggaran premium yang anda perlu bayar ialah: RM _____

4. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

- Duti Setem - RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP) (jika berkenaan) - Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan (termasuk di dalam premium)
- Komisen yang dibayar, jika berkenaan, kepada Pengantara Insurans (termasuk di dalam premium) - maksimum 15% dari premium (untuk Bahagian A) dan maksimum 25% dari premium (untuk Bahagian B ke D)

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu Saya tahu?

- Kepentingan pendedahan -
Anda mempunyai kewajiban untuk mengambil penjagaan munasabah :
a) tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang

cadangan;

- b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Kami ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Kami berhubung dengan Polisi ini, dan
 - c) untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- **ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERPATUTAN** dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan kepada harta anda. Anda boleh menginsuranskan harta anda pada Nilai Pasaran (setelah ditolak haus, lusuh & susut nilai) atau Nilai Pengembalian Semula (kos penuh untuk pembaikan tanpa apa-apa potongan untuk haus, lusuh & susut nilai).
 - Sila pastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi, jika tidak, anda akan perlu menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Anda akan dianggap menginsuranskan sendiri perbezaan nilai tersebut.
 - Lebihan adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung dan terpaksa kepada sesetengah peril:
 - Pecahnya atau melimpahnya tangki air domestik, peralatan atau paip - RM50.00,
 - Hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, letusan gunung berapi dan banjir - 1% daripada jumlah yang diinsuranskan atau RM200 yang mana lebih rendah
 - Penenggelaman dan Gelinciran Tanah - 5% daripada jumlah yang diinsuranskan atau RM25,000.00 yang mana lebih rendah.
 - Premium perlu dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan. Jika syarat ini tidak dipatuhi, polisi ini secara automatik adalah terbatal dan kami berhak ke atas premium pro-rata bagi tempoh yang diliputi.
 - Jika terdapat polisi lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, polisi ini akan hanya membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.
 - Sekiranya berlaku tuntutan, anda perlu memberitahu kami dengan segera secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan menyerahkan tuntutan secara bertulis dengan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kejadian kerugian dan kerosakan.

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan tertentu, seperti:

- Kerugian / kerosakan kepada bangunan jika tidak dihuni lebih daripada sembilan puluh (90) hari (melainkan jika diberitahu secara bertulis kepada Kami dan dipersetujui oleh Kami melalui pengendorsan);
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh risiko radioaktif dan tenaga nuklear;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada dahagi, kekecohan awam yang mengandaikan kadar atau yang menyamai kebangkitan popular, kebangkitan tentera, insurreksi, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa;
- Kerugian / kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada sebarang tindakan keganasan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat penuh dan senarai pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah Saya membatalkan Polisi Saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar tempoh singkat bagi tempoh insurans yang belum luput tertakluk kepada premium minimum yang dikenakan oleh pihak kami. Tiada bayaran balik premium jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu Saya buat jika terdapat perubahan kepada butir-butir untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami atau pengantara insurans anda jika terdapat sebarang perubahan terhadap butir-butir untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat tambahan?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Polisi My Home Insurans ini, anda boleh menghubungi kami di cawangan-cawangan kami di seluruh negara atau pengantara insurans anda. Untuk maklumat tambahan mengenai Insurans Empunya Rumah / Isi Rumah, anda boleh merujuk kepada buku kecil insuranceinfo yang boleh didapati di semua cawangan

kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
O +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Jenis Insurans lain yang sedia ada?

Polisi Kebakaran atau Polisi Empunya Rumah / Isi Rumah.

NOTA PENTING:

1. Anda harus memastikan bahawa polisi insurans ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang anda mampu. Anda perlu membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan ejen atau hubungi Chubb Insurance Malaysia Berhad secara langsung untuk maklumat lanjut.
2. Polisi insurans ini ditanggung jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad.

Bagi setiap tujuan dan maksud sekiranya terdapat konik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan yang :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan polisi kontrak dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada tarikh 01/06/2024.

Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat- syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan telah dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau [hubungi Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).